

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1992/93**

Jun 1993

**FFP 361 Farmasi Forensik
Masa: (3 jam)**

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Seorang ahli farmasi di kedai farmasi runcit menerima satu preskripsi untuk drug-drug berikut:

Tab. Codeine Phosphate 150 mg	1 qid x 2/7
Gutt Homatropine 2% et Cocaine 1%	5 ml.; 1-2 drops prn
Cap. Ampicillin 250 mg	2 stat; 1 qid x 1/52

Terangkan prosedur-prosedur perundangan untuk mendispens preskripsi ini.

(18 markah)

2. Seorang kawan anda berhasrat untuk mengimpor dan menjual secara runcit satu campuran herba. Untuk mengurangkan kos dia bercadang untuk mengimpornya secara pukal dan membungkusnya semula sebagai bungkus runcit. Dia telah mereka bentuk pembungkus itu dan meminta pandangan anda. Terangkan bagaimana anda akan menasihati kawan anda itu berkaitan dengan Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956. Keterangan pada pembungkus adalah seperti berikut:

PATSUKA'S HERBAL TONIC
"A trusted recipe since 1866"

INDICATIONS: Strengthens cardiac function
prevents arthritis and rheumatics,
improves general circulation and
alertness, purifies blood and
stimulates appetite, relieves coughs.

CONTENTS: Made from 17 herbs and
9 minerals of selected quality.

DOSES: 15 ml, before bedtime.
Not suitable for children.

(16 markah)

...3/-

3. Anda adalah seorang ahli farmasi yang baru didaftarkan. Anda baru saja mendapat pekerjaan di satu syarikat perniagaan yang ingin mempelbagaikan aktivitinya kepada bidang farmaseutikal. Syarikat ini telah dilantik sebagai pengimpor dan pengedar tunggal bagi sejenis antibiotik daripada Korea yang baru saja menerima paten. Anda ditugaskan menyediakan kertas kerja memperincikan tindakan yang anda perlu ambil supaya antibiotik boleh diimpot dan dijual kepada pengamal perubatan dan ahli farmasi. Terangkan tindakan-tindakan tersebut dalam kertaskerja anda dan masukkan juga keperluan-keperluan untuk simpanan dan pelabelan.

(18 markah)

4. Anda adalah seorang ahli farmasi bekerja di sebuah farmasi runcit. Seorang pelangan yang menjalankan perniagaan dobi ingin membeli 500 g asid oksalik untuk digunakan sebagai pencuci kesan dakwat pada pakaian. Dia menelefon anda dan meminta supaya bahan kimia itu dihantarkan ke kedai dobinya dengan teksi. Dalam keadaan apakah bahan ini boleh dijual kepadanya dan apakah prosedur perundangan yang diperlukan untuk melakukan perniagaan ini?

(16 markah)

5. Terangkan kuasa yang diberikan kepada Menteri, Lembaga Farmasi dan Pendaftar dalam Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 berkaitan dengan pendaftaran ahli-ahli farmasi. Dalam keadaan apakah Lembaga boleh mengeluarkan nama seorang ahli farmasi berdaftar dari senarai pendaftaran?

(16 markah)

...4/-

6. Tulis nota ringkas atas tajuk-tajuk berikut dalam konteks yang berkaitan dengan perundangan-perundangan farmasi:
- i. Bagaimana racun-racun dibekalkan kepada pesakit-pesakit luar di hospital-hospital kerajaan dan mengapa ini berbeza dari amalan di hospital swasta?
 - ii. Kawalan natrium hidroksida
 - iii. Apakah itu 'trade description'?
 - iv. Penalty-penalty di bawah Akta Racun 1952

(16 markah)

-ooOoo-